

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**

dalam

**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

Editor

Najahudin Lateh, PhD

Muhamad Rahimi Osman, PhD

Ghafarullahhuddin Din, PhD

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

Editor

Najahudin Lateh, PhD
Muhamad Rahimi Osman, PhD
Ghafarullahhuddin Din, PhD

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA

Cetakan Pertama 2017

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dekan, ACIS Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
e-mel: acis@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Najahudin Lateh, 1974-

Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam /
Najahudin Lateh, PhD, Muhamad Rahimi Osman, PhD, Ghafarullahhuddin Din, PhD
ISBN 978-967-0171-79-1

1. Zakat. 2. Islam-Charities. 3. Waqf. 4. Government publication-Malaysia.

I. Muhamad Rahimi Osman, 1961. II. Ghafarullahhuddin Din, 1961.

297.54

Dicetak di Malaysia oleh : Card Information Sdn. Bhd.

49, Jalan 31/10A

Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu

68100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-4295 8009 Faks: 603-4297 8009

ISU KUTIPAN ZAKAT MERENTASI SEMPADAN NEGERI DI MALAYSIA: KAJIAN DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memacu transformasi zakat negeri, khususnya bagi meningkatkan kadar kutipan zakat dan mengoptimumkan agihannya kepada asnaf. Antaranya termasuklah penubuhan unit zakat bergerak, bayaran zakat atas talian, kaunter zakat pandu lalu (*drive-thru*), perlantikan ejen dan seumpamanya. Rentetan daripada strategi dan pendekatan yang digunakan, timbul beberapa isu yang menjadi polemik masa kini. Antaranya termasuklah kutipan zakat yang merentasi sempadan negeri, perlantikan ejen kutipan zakat dan sebagainya. Isu-isu ini jika tidak ditangani dengan bijak, akan menimbulkan ekosistem zakat yang tidak harmoni malah memberi kesan terhadap peruntukan asnaf-asnaf zakat. Sehubungan itu, kajian ini menfokuskan terhadap isu kutipan dan agihan zakat yang merentasi sempadan negeri di Malaysia dari perspektif fiqh Islam.

KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA

Pihak zakat negeri mengambil tindakan yang progresif bagi meningkatkan kutipan zakat. Kaedah kutipan tidak hanya berbentuk sehala atau langsung melalui amil sahaja, malah proses pungutan tidak langsung kini dibangunkan berdasarkan perkembangan infrastruktur teknologi semasa di samping tahap celik maklumat dan akses teknologi yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Hampir setiap negeri melantik ejen yang bertanggungjawab untuk membantu kutipan zakat negeri. Ejen kutipan ini mengutip zakat dalam wilayah territori negeri masing-masing sahaja seperti Perak (Pusat Pendidikan Al-Hidayah Perak (PPAP, 2017), Perlis (Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Sekolah Rendah Agama Attarbiyah Al-Islamiyah (SRAATI), dan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIP) (Azam et al., 2015), dengan pelbagai kadar pulangan antara 25% -50% di samping ada yang diberikan wakalah agihan zakat sepertimana di Wilayah Persekutuan (Ahmad & Wahid, 2017). Namun terdapat juga negeri yang melantik ejen dari kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti ISMA melalui Aman Palestin (Aman Palestin, 2017), IKRAM melalui Koperasi Islah Malaysia Berhad (KIMB) (IKRAM, 2017) dan pusat pendidikan seperti MUSLEH (SRIAKT, 2017), Pusat Pengajian al-Quran al-Itqaan (PPQI, 2013) bagi memungut zakat di luar sempadan negeri. Pulangan yang tinggi menyebabkan ejen-ejen bertindak aktif dalam memungut zakat luar sempadan negeri, iaitu dengan kadar 50%.

Dalam kajian Azam et al. (2015), perkembangan kutipan zakat yang terkini menunjukkan trend perubahan tahunan kutipan zakat di kebanyakan negeri masih belum memuaskan berbanding jumlah penduduk beragama Islam yang masih ramai.

Walaupun, negeri Perlis keluasannya yang lebih kecil berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, namun jumlah kutipan zakat Perlis menunjukkan trend yang terus meningkat dengan ketara berbanding negeri lain. Hal ini antara lain disebabkan oleh pelaksanaan sistem ejen dalam kutipan zakat.

Dapatkan ini berbeza dengan kajian (Muhsin, 2016a) terhadap fenomena di Wilayah Persekutuan yang telah mencatatkan kehilangan kutipan zakat melibatkan 24 ribu orang dengan tunggakan bayaran mencecah RM76 juta pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Hasil analisis terhadap 330 responden, didapati 53% tidak mengulangi pembayaran zakat di PPZ kerana mereka telah membuat pembayaran zakat di negeri lain dengan pelbagai faktor.

Pendekatan perlantikan ejen/amil luar ini tidak menimbulkan persoalan yang kritikal sekiranya masih lagi dalam ruang lingkup persempadanan negeri masing-masing, sebaliknya akan menimbulkan ketidakharmonian dalam hubungan antara negeri sekiranya kutipan yang dilakukan merentasi sempadan negeri. Malah setiap negeri mempunyai peruntukan yang berkaitan kesalahan jenayah Syariah bagi orang yang memungut zakat tanpa izin dan membayar zakat kepada orang yang tidak diberi kuasa secara sah untuk memungut zakat.

Justeru, pertimbangan dalam isu kutipan yang merentasi sempadan negeri melalui amil atau ejen yang dilantik perlu diperhalusi dari perspektif uruf setempat, hukum Islam di samping perundangan Islam di Malaysia.

PENTADBIRAN ZAKAT DI MALAYSIA

Pentadbiran zakat di Malaysia adalah di bawah kuasa setiap negeri-negeri ataupun kuasa pemerintah negeri tersebut (Sultan) kecuali Wilayah Persekutuan di mana perundangan zakat dan pentadbiran diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan (Esa et al., 2017). Terdapat tiga kategori pembahagian mengikut negeri iaitu kategori pertama terdiri daripada negeri Perlis, Johor, Terengganu, Perak dan Kelantan. Institusi baitulmal di negeri ini memainkan peranan sepenuhnya untuk aktiviti kutipan dan agihan zakat tanpa menswastakan institusi zakat masing-masing. Sementara itu, kategori kedua terdiri daripada Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang telah menswastakan aktiviti kutipan zakat kepada Pejabat Zakat Korporat. Namun, aktiviti pengagihan zakat masih diletakkan di bawah institusi Baitulmal. Kategori ketiga terdiri daripada negeri Selangor, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah pula telah diswastakan sepenuhnya kedua-dua aktiviti kutipan dan agihan zakat kepada Pejabat Zakat Korporat masing-masing PPZ, 2016; Noor & Saad, 2015). Berbeza dengan Negeri Kedah yang mempunyai model pengurusan zakat berlainan dengan negeri lain di Malaysia. Ini disebabkan ia diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan pengurusan zakat yang tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK). Ia terus melaporkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah (Sulong & Ali, 2012).

Secara umumnya, statistik kutipan zakat setiap tahun semakin meningkat di antara negeri-negeri di Malaysia walaupun dengan prestasi yang sederhana. Ia dipacu oleh wujudnya jumlah pembayar zakat baharu setiap tahun. Namun jumlah

yang tepat sukar diperoleh kerana tiada laporan zakat tahunan yang jelas dikongsi oleh pihak zakat beberapa negeri. Namun dengan pengenalan mekanisme kutipan melalui pendekatan yang inovatif, jumlah ini meningkat dengan memberangsangkan terutamanya selepas tahun 2011.

Berdasarkan jadual 1 di bawah, dari tahun 2010 hingga 2016, negeri Perlis mencatatkan pertumbuhan sebanyak 465%, iaitu kenaikan sejumlah RM177,223,494.04, negeri Kedah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 83%, iaitu kenaikan sejumlah RM63,500,988.51, negeri Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 98%, iaitu kenaikan sejumlah RM52,372,116.09, negeri Perak mencatatkan pertumbuhan sebanyak 101%, iaitu kenaikan sejumlah RM70,380,479.88, negeri Terengganu mencatatkan pertumbuhan sebanyak 133%, iaitu kenaikan sejumlah RM56,912,186.15, negeri Pahang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 51%, iaitu kenaikan sejumlah RM41,374,112.62, Wilayah Persekutuan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 105%, iaitu kenaikan sejumlah RM298,014,086.91, negeri Selangor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 100%, iaitu kenaikan sejumlah RM336,801,760.00, Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 108%, iaitu kenaikan sejumlah RM54,559,267.13, negeri Melaka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 107%, iaitu kenaikan sejumlah RM36,524,927.09 dan negeri Sabah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 94%, iaitu kenaikan sejumlah RM30,847,306.68. Sedangkan tiga negeri, tiada data tahun 2016, justeru pengkaji hanya menilai dari tahun 2010-2015. Negeri Kelantan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 130%, iaitu kenaikan sejumlah RM91,535,620.63, negeri Johor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 96% iaitu kenaikan sejumlah RM117,118,921.12 dan negeri Sarawak mencatatkan pertumbuhan sebanyak 75%, iaitu kenaikan sejumlah RM29,430,940.40.

ISU KETELUSAN DALAM AGIHAN ZAKAT OLEH EJEN/AMIL

Dalam iu kutipan zakat oleh ejen/amil luar, wujud polemik berkaitan dengan ketelusan dalam agihan semula pulangan sebanyak 25-50% tanpa wakalah agihan yang jelas seperti mana amalan di Wilayah Persekutuan (Ahmad & Wahid, 2017). Pulangan kepada ejen ini merupakan satu jumlah yang besar. Antara isu yang timbul adalah agihan yang dilakukan hanya terbatas kepada kumpulan tertentu sahaja di samping berlakunya agihan ke luar negara seperti Palestin, Syria dan sebagainya. Sedangkan agihan dalam negara masih lagi belum mencukupi untuk menampung keperluan asnaf terutamanya negeri yang mempunyai kutipan zakat yang rendah.

Selain itu, pulangan 50% bagi amil adalah jumlah yang besar berbanding purata agihan 12.5% bagi tiap kelompok asnaf. Walaupun terdapat banyak pendapat dan pandangan berkaitan pembahagian zakat kepada asnaf. Malaysia adalah negara yang mengamalkan mazhab Syafie. Menurut pandangan mazhab Syafie, apabila urusan mengagihkan wang zakat itu adalah oleh imam (pemerintah/MAIN), maka agihan hendaklah dibuat kepada kelapan-lapan golongan asnaf (Lateff et al., 2014).

Jadual 1: Kutipan Zakat Dari Tahun 2010-2016

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Perlis	38,091,506.00	61,362,147.00	78,912,426.00	115,049,928.00	162,327,654.00	Tiada data	215,315,000.04*
Kedah	76,947,139.51	105,895,662.82	106,471,950.65	122,666,747.12	128,400,303.04	134,556,613.46	140,448,128.00
Pulau Pinang	53,239,132.91	62,266,800.58	76,501,447.71	86,359,640.13	87,935,987.80	98,883,208.25	105,611,249.00
Perak	69,639,500.87	86,113,585.24	99,577,582.60	109,825,143.00	114,588,532.29	132,584,966.22	140,019,980.75
Kelantan	70,373,328.79	94,083,475.87	113,163,004.70	134,150,726.83	133,321,295.88	161,908,949.42	Tiada data
Terengganu	76,447,878.23	88,274,932.37	107,080,441.25	120,881,661.74	120,116,379.60	126,639,148.45	133,360,064.38
Pahang	80,874,869.71	88,592,218.43	108,608,951.67	115,826,642.24	109,325,106.94	118,082,517.70	122,248,982.33
Wilayah Persekutuan	282,676,073.93	347,454,163.00	410,411,327.58	492,402,029.53	540,795,062.34	565,830,672.18	580,690,160.84
Selangor	336,934,522.00	393,538,755.00	451,325,027.00	517,305,275.00	582,120,473.00	627,225,101.00	673,736,282.00
Negeri Sembilan	50,201,121.23	57,917,702.28	65,352,483.87	78,853,814.12	88,200,428.43	94,420,490.70	104,760,388.36
Melaka	34,011,770.13	37,930,357.61	43,980,976.99	53,106,623.54	58,280,964.15	65,967,051.30	70,536,697.22
Johor	122,336,032.00	137,469,741.18	171,939,397.69	200,315,383.74	211,218,871.25	239,454,953.12	Tiada data
Sarawak	39,143,055.60	44,126,089.00	50,831,899.00	69,462,067.00	67,319,511.00	68,573,996.00	Tiada data
Sabah	32,856,749.96	33,891,152.97	48,929,401.12	49,219,209.48	52,829,145.28	61,795,695.17	63,704,056.64

Sumber: PPZ, 2016; MAIN, 2017; *MAIPs, 2017

Di samping itu juga, laporan zakat tahunan perlu diaudit dan dibentangkan oleh ejen dan amil yang dilantik agar agihannya menepati tafsiran dan kebajikan asnaf di negeri-negeri di Malaysia. Berbeza dengan institusi zakat, Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut agar memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan laporan tentangnya kepada Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi negeri-negeri lain. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua jenis pengauditan iaitu penyata kewangan dan pengurusan kewangan.

Pengauditan Penyata Kewangan bertujuan untuk mengutarakan pandangan sama ada penyata kewangan institusi zakat bagi tahun berkenaan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan tentangnya telah diuruskan dengan teratur dan kemaskini. Pengauditan Pengurusan Kewangan pula bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di badan zakat dilaksanakan berdasarkan undang-undang dan peraturan kewangan (Ismail et al., 2017).

Justeru dengan proses pengauditan ini, laporan kewangan bagi jumlah 30-50% daripada jumlah yang dipulangkan kepada ejen/amil dapat dikenalpasti penggunaan dan pengagihannya dengan telus di samping selari dengan tafsiran asnaf di negeri-negeri berkaitan.

PERSPEKTIF HUKUM ISLAM DALAM ISU KUTIPAN ZAKAT

Secara asasnya, kutipan zakat berkait rapat dengan isu pemindahan bayaran zakat dan pengagihannya dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Dalam konteks negara dan negeri yang berdaulat, kutipan merentasi sempadan negeri bertentangan dengan panduan Nabi Muhammad SAW dan sahabat baginda. Ini kerana Baginda dan khulafa' selepas baginda mengarahkan para gabenor yang dilantik dan dihantar ke kawasan Islam yang baharu agar memungut zakat daripada orang kaya di wilayah berkenaan dan diagihkan kepada *mustahiq* zakat (orang yang layak menerima zakat) di kawasan itu juga (Majid, 2003). Misalnya Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz pernah memulangkan zakat yang dibawa ke Kufah kembali ke al-Rayy (Abu 'Ubaid, 1989).

Perbincangan hukum tentang kutipan zakat berkait rapat dengan polemik pemindahan zakat antara kawasan dalam perbendaharaan hukum Islam. Ini kerana pemindahan zakat biasanya melibatkan tindakan kutipan zakat di sesebuah kawasan dan ia dibawa keluar ke kawasan yang lain. Hujah yang sering digunakan adalah hadis Ibn 'Abbas dan 'Awn bin Abu Juhaifah sebagai sandaran, sama ada oleh pihak yang mengharuskan pemindahan harta zakat atau pihak yang tidak mengharuskan pemindahan tersebut. Berikut adalah teks hadis tersebut:

Nabi SAW mengutuskan Muaz RA ke Yaman dan bersabda: Serulah mereka mengucapkan “tiada tuhan melainkan Allah dan saya (Nabi Muhammad) adalah pesuruh Allah. Jika mereka menerimanya, ajarilah mereka bahawa Allah telah mewajibkan mereka solat lima waktu setiap hari. Jika mereka melakukannya, ajarilah mereka bahawa Allah telah mewajibkan zakat dari harta mereka, diambil dari orang kaya dari kalangan mereka dan diagihkan kepada orang miskin dari kalangan mereka. [HR Bukhari dan Muslim].

Pengutip zakat Nabi SAW tiba di kawasan kami. Beliau mengutip zakat orang kaya dari kalangan kami dan mengagihkan zakat tersebut kepada orang miskin dari kalangan kami. [HR al-Tirmidhi]

Berdasarkan hadis ini, pengkaji akan menelusuri perbincangan para ulama’ mengenai hukum memindahkan harta zakat dari satu ke kawasan lain. Al-Mubarakfuri (t.t.) berkata: Para ulama’ berbeza pandangan dalam menentukan hukum memindahkan harta zakat. Abu Hanifah dan al-Laith mengharuskan. Al-Munziri menukilkan pandangan al-Shafie, pandangan *asah* dalam mazhab Syafie, Maliki dan juga *jumhur*, mereka tidak mengharuskannya. Jika mereka tetap juga memindahkan harta zakat, mazhab Maliki mengatakan zakat tersebut diterima (terlepas *zimmah* zakat tersebut) manakala mazhab Syafie mengatakan zakat tersebut tidak diterima melainkan jika tiada asnaf zakat di negerinya.

Al-Hafiz berkata: Secara literal, hadis membawa maksud zakat dikutip dari orang kaya dan diagihkan kepada orang miskin dalam kawasan yang sama (al-‘Asqalani, 2001). Seterusnya, al-Mubarakfuri (t.t.) membawa pandangan Ibn al-Munir yang menghuraikan punca yang membawa kepada perbezaan pandangan dalam kalangan ulama’. Ibn al-Munir berkata: Al-Bukhari memilih pandangan yang mengharuskan pemindahan harta zakat dari satu kawasan ke kawasan lain berdasarkan hadis yang sama. Ini kerana, beliau (al-Bukhari) berpendapat ganti nama “mereka” dalam hadis tersebut bersifat umum dan membawa maksud “kaum muslimin”. Maka, mana-mana fakir miskin Muslim layak mendapat agihan harta zakat selagi dengan sifat umum hadis ini.

Pandangan ini turut ditarjihkan oleh Ibn Daqiq al-‘Aid (1994). Menurut beliau, walaupun hadis ini ditujukan kepada penduduk Yaman, hakikatnya pihak yang menerima arahan ini tidak terhad kepada penduduk Yaman sahaja. Kaedah ini turut terpakai dalam hukum solat yang mungkin ditujukan kepada sesetengah pihak, tetapi turut terpakai pada muslimin secara keseluruhan.

Hujah al-Bukhari dan Ibn Daqiq ini dikritik oleh Ibn Qaffal dan al-Bujairimi. Menurut mereka, Muaz RA tidak dihantar mengutip zakat kepada kaum muslimin secara keseluruhan, sebaliknya beliau dihantar kepada penduduk Yaman. Maka, maksud “mereka” dalam hadis tersebut lebih tepat disandarkan kepada penduduk Yaman juga (al-Jamal, 1996; al-Bujairimi, 2000).

Hakikatnya, hadis ini secara jelas tidak mengharuskan pemindahan harta zakat. Malah, pandangan ini turut dikuatkan dengan hadis Abu Juhaifah dan ‘Imran bin Husin. Inilah pandangan yang ditarjihkan oleh al-Mubarakfuri (t.t.). Al-Qastallani (1304H) turut bersetuju dengan pandangan ini dan mengkritik pandangan yang menggunakan sifat umum hadis tersebut sebagai hujah kerana hal ini bertentangan dengan perbuatan para sahabat yang tidak memindahkan harta zakat melainkan dalam keadaan tertentu.

Abadi (2005) secara ringkas menukilkan pandangan ulama dalam isu ini: Diriwayatkan dari Malik, Syafie dan al-Thauri, mereka tidak mengharuskan pemindahan harta zakat melainkan diaghikan kepada orang miskin dalam kawasan sama. Sebahagian pihak lain pula membenarkan pemindahan harta zakat namun hukumnya adalah makruh. Ia berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang pernah meminta masyarakat Arab di sekitar Madinah untuk memberikan zakat kepada asnaf fakir miskin Muhibbin dan ansar di Madinah. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Nasaie dari ‘Abdullah bin Hilal al-Thaqafi.

Menurut al-Marwazi (1406H), Sufyan al-Thauri, Hasan al-Basri dan Ibrahim al-Nakha'i tidak membenarkan zakat dipindahkan ke luar kawasan melainkan jika diaghikan kepada kaum kerabatnya sendiri. Seterusnya, beliau berkata: Pandangan ini lebih aku sukai. Malah, para *fuqaha'* mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali tidak membenarkan zakat dipindahkan ke luar kawasan melainkan dengan maslahat tertentu.

Ibn ‘Abidin al-Hanafi (1985) berkata: Secara jelas, memindahkan harta zakat ke luar kawasan adalah *makruh tanzih*. Namun, jika dia tetap memindahkan harta tersebut, zakat tersebut diterima (terangkat *zimmah*) kerana asnaf zakat telah mendapat haknya. Ini kerana, hukum asal bagi zakat harta diaghikan kepada tempat harta tersebut dicari berdasarkan pelbagai riwayat. Pandangan ini selari dengan pandangan dari *fuqaha'* Hanafi lain seperti al-Tahtawi (1970), al-Marghinani (t.t.) al-Maidani (1960), dan al-Musili (1951).

Al-Qarafi al-Maliki (1992) berkata: Zakat wajib diaghikan di tempat ia dikutip. Jika tidak, ia boleh diaghikan ke kawasan yang berhampiran disebabkan harapan penduduk berdekatan terhadap orang kaya di kawasan berhampiran. Sanad berkata: Jika tiada asnaf zakat di kawasan zakat dikutip, ia boleh dipindahkan ke kawasan berhampiran bagi meringankan beban mereka. Jika asnaf kawasan lain lebih memerlukan berbanding asnaf di kawasan zakat dikutip, ia boleh dipindahkan seperti yang pernah dilakukan oleh Saidina Umar yang memindahkan zakat dari Mesir ke Hijaz. Pandangan ini selari dengan beberapa *fuqaha* Maliki lain seperti Ibn Najm (penulis buku ‘*Aqd al-Jawahir*), menerusi katanya: Tidak harus memindahkan zakat dari kawasan wajib (tempat bekerja). Namun, jika *muzakki* tetap membayarnya di luar kawasan, zakat tersebut diterima. Sahnun, al-‘Utbi dan al-Manufi (1987) turut bersetuju dengan Ibn Najm. Khalil menambah, kebenaran memindahkan harta zakat dimulai dengan kawasan yang paling dekat dari jarak *qasar*. Ini kerana, jarak larangan pemindahan harta zakat adalah luar dari dua marhalah.

Imam al-Syafie (2002) berkata: Tidak dibenarkan memindahkan harta zakat sesuatu kawasan melainkan ketiadaan asnaf zakat di kawasan tersebut. Al-Nawawi (1992) juga mengatakan pandangan yang sama: Terdapat perbezaan pandangan dalam mazhab Syafie mengenai hukum memindahkan harta zakat ke kawasan lain sedangkan asnaf zakat masih wujud di negerinya. Secara ringkas, hukumnya adalah haram dan tidak gugur kewajipan zakat tersebut sama ada pemindahan dilakukan dalam sempadan *qasar* (2 marhalah) atau kurang. Beliau menggunakan hujah hadis Nabi SAW ketika mengutus Muaz bin Jabal ke Yaman. Al-Nawawi (2006) menambah lagi, pandangan ini turut diriwayatkan dari beberapa ulama lain seperti ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz, Tawus, Sa‘id bin Jubair, Mujahid, al-Nakha'i, al-Thauri, Malik dan Ahmad.

Ibn Qudamah (1980, 1989) menukilkan jawab Imam Ahmad terhadap soalan mengenai keharusan memindahkan harta zakat ke kawasan lain. Jawab beliau, ia tidak dibenarkan walaupun kepada kaum kerabatnya sendiri. Beliau menambah, ini adalah pandangan yang rajih dalam mazhab Hanbali. ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz pernah mengembalikan zakat dari Khurasan yang dibawa ke Syam. Dalam riwayat lain dari Ahmad, beliau mengharuskan pemberian zakat kepada kampung-kampung sekitar dalam jarak kurang dari dua marhalah, bermula dari kampung paling dekat. Jika pembayar zakat memberikan zakat kepada kaum kerabat yang duduk jauh dan mereka dalam keadaan susah, ia dibenarkan selagi jarak kurang dari jarak qasar. Pandangan yang sama turut diriwayatkan dari al-Maqdisi (2004).

Para ulama kontemporari juga telah membincangkan isu pemindahan harta zakat ini secara kolektif. Perbincangan mereka boleh dilihat menerusi resolusi yang diputuskan dalam Seminar Fiqh berkaitan Permasalahan Zakat (*الندوة الفقهية لقضايا الزكاة*) yang dianjurkan oleh Majma‘ al-Fiqh al-Islami al-Duwali dengan kerjasama *al-Ghurfah al-Islamiyyah li al-Tijarah wa al-Sina‘ah* (Islamic Chamber of Commerce and Industry) pada 18-20 Rabi’ul Awal 1428H bersamaan 5-7 Mei 2007. Berikut adalah sebahagian teks resolusi berkaitan isu pemindahan harta zakat (al-Salus, 2008):

1. Memindahkan harta zakat dari kawasan wajib (tempat bekerja) dibenarkan selepas asnaf kawasan tersebut mendapat agihan zakat dengan mencukupi. Keharusan ini dipersetujui oleh majoriti mazhab fiqh.
2. Seminar juga bersetuju untuk menyokong resolusi yang diputuskan dalam dua seminar sebelum ini yang membincangkan isu zakat, anjuran Rumah Zakat Kuwait. Berikut adalah ringkasan resolusi:

Pertama: Hukum asal menyatakan zakat diagihkan kepada penduduk di kawasan kutipan zakat. Kemudian, lebihan zakat tersebut boleh diagihkan di kawasan lain atas maslahah yang *rajih*.

Kedua: Antara bentuk pemindahan harta zakat adalah:

- i. Pemindahan dilakukan oleh pemerintah di kawasan tersebut atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab demi menjaga maslahat.
- ii. Pemindahan harta zakat ke kawasan jihad *fi sabilillah* atau *mualaf qulubuhum*.
- iii. Pemindahan kepada pertubuhan dakwah, pendidikan atau kesihatan berdasarkan pecahan lapan asnaf zakat.
- iv. Pemindahan harta zakat kepada kawasan kebuluran atau bencana yang menimpa umat Islam.

Ketiga: Pemindahan harta zakat selain dari senarai di atas tidak memansuhkan kesahan zakat yang dibayar oleh pembayar zakat, dengan syarat ia diberikan kepada asnaf yang betul.

Malah, Badan Fatwa Eropah (*المجلس الأوروبي للإفتاء والبحوث*) turut tidak bersetuju pemindahan harta zakat. Keputusan fatwa ini diputuskan dalam Persidangan ke-11 di Stockholm, Sweden pada 1-7 Jamadil Awal 1424H bersamaan 1-7 Julai 2003M (al-Judai, 2003). Berikut adalah teks fatwa berkaitan:

[Fatwa no. 64 (2/11)]: Hukum asal kutipan (dan agihan) zakat adalah di kawasan wajib (tempat bekerja) melainkan terdapat lebihan dari agihan zakat, atau terdapat keperluan mendesak di sesuatu kawasan. Inilah pandangan majoriti ulama' mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali berdasarkan hadis Muaz bin Jabal, Nabi SAW bersabda: *Maka ajarilah mereka bahawa Allah SWT mewajibkan zakat ke atas mereka, diambil dari orang kaya di kalangan mereka dan diagihkan kepada orang miskin di kalangan mereka juga* [Bukhari dan Muslim].

Malah, para Khulafa' al-Rashidin juga mengaplikasikan kaedah yang sama, iaitu diberikan kepada orang miskin di kawasan kutipan zakat. Ini kerana, pemindahan harta zakat boleh mengurangi tujuan asal zakat iaitu membantu penduduk Muslim setempat. Oleh itu, setiap Muslim wajib di Barat wajib membayar zakat kepada pertubuhan Islam yang menguruskan zakat di kawasan mereka seperti pusat Islam, masjid, pertubuhan dakwah, sekolah Islam dan lain-lain sehingga ia mencukupi penduduk setempat.

Selain badan fatwa peringkat antarabangsa, fatwa beberapa negara Islam utama seperti Arab Saudi, Mesir dan Jordan turut diteliti. Terdapat dua fatwa yang diputuskan oleh *al-Lajnah al-Da'imah* iaitu fatwa nombor 14451 yang diputuskan oleh 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah bin Baz (Pengerusi), 'Abd al-Razzaq 'Afifi (Timbalan Pengerusi) dan 'Abdullah bin Ghadyan; dan fatwa nombor 21236 yang diputuskan oleh 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah Ali Syeikh (Pengerusi), 'Abdullah bin Ghadyan, Salih al-Fawzan dan Bakr Abu Zayd. Kedua-dua fatwa ini menyebutkan tentang hukum asal zakat yang perlu diagihkan di kawasan kutipan zakat berdasarkan hadis Nabi SAW kepada Muaz RA. Namun, kelonggaran diberikan jika terdapat maslahat tertentu seperti keperluan mendesak atau memberi zakat kepada kaum kerabat yang lebih memerlukan (al-Duwaish, 2007).

Badan Fatwa Jordan dan Mesir pula mengharuskan pemindahan harta zakat dengan maslahah yang *rajih*, sama seperti maslahah yang disenaraikan oleh ulama sebelum ini (Lajnah al-Ifta' Jordan, 2012; Dar al-Ifta' Mesir, 2016). Namun, Mufti Mesir, Dr. Syauqi 'Allam menambah isu *intima*' rakyat kepada negara asal menjadikan zakat boleh dibayar di negeri asal walaupun *muzakki* tidak menetap di negara asal. Hujah beliau ini sedikit berbeza dengan hujah para ulama sebelumnya (Dar al-Ifta' Mesir, 2016).

Berdasarkan data tersebut, pengkaji merumuskan larangan pemindahan harta zakat adalah pandangan majoriti ulama pelbagai mazhab. Malah, beberapa badan fatwa utama dunia turut melarang. Namun, mereka berbeza pandangan mengenai tingkatan larangan tersebut sama ada jatuh hukum haram, makruh atau tidak harus. Jadual 2 menunjukkan rumusan beberapa pandangan ulama yang telah pengkaji bincangkan.

Pengkaji cenderung kepada pandangan yang melarang untuk memungut zakat merentasi sempadan negeri dalam konteks Malaysia. Ini kerana kemaslahatan asnaf setempat perlu diutamakan berbanding yang di luar kawasan. Sekiranya ada lebihan agihan zakat, ia boleh diagihkan ke luar kawasan kutipan. Pandangan ini selari dengan pendapat al-Qaradawi (1994) dan Prof. Emeritus Dato Dr Mahmood Zuhdi (Majid, 2017) yang menegaskan tentang kesepakatan ulama mengenai keharusan memindahkan zakat ke kawasan lain hanya apabila tiada lagi *mustahiq* zakat di kawasan tersebut.

Jadual 2: Ringkasan Hukum Pemindahan Harta Zakat

Ulama/ Mazhab	Hukum				Kesahan		Ganti	
	Haram	Makruh	Tidak Harus	Harus	Sah	Tidak Sah	Bayar Semula	Tidak Perlu
'Umar bin 'Abd al-'Aziz (w.63H)	✓					✓	✓	
Sa'id al-Jubair (w.95H)	✓					✓	✓	
Ibrahim al-Nakha'i (w.96H)			✓					
Mujahid (w.104H)	✓					✓	✓	
Tawus (w.106H)	✓					✓	✓	
Hasan al-Basri (w.110H)			✓					
Abu Hanifah (w.150H)				✓	✓			✓
Al-Thauri (w.161H)			✓			✓	✓	
Al-Laith (w.175H)				✓	✓			✓
Malik (w.179H)			✓			✓	✓	
Syafie (w.204H)			✓			✓	✓	
Sahnun (w.240H)			✓		✓			✓
Ahmad (w.241H)	✓							
Al-'Utbi (w.255H)			✓		✓			✓
Al-Bukhari (w.256H)				✓	✓			✓
Al-Marwazi (w.294H)			✓					
Ibn Qaffal (w.365H)			✓					
Ibn Qudamah (w.541H)			✓					
Al-Marghinani (w.593H)		✓			✓			✓
Al-Musili (w.599H)	✓				✓			✓
Ibn Najm (w.616H)			✓		✓			✓
Al-Maqdisi (w.624H)			✓					
Al-Nawawi (w.676H)	✓					✓	✓	
Al-Qarafi (w.684H)	✓							
Ibn Daqiq al-'Aid (w.702H)				✓	✓			✓
Khalil (w.767H)			✓		✓			✓
Al-Qastallani (w.923H)			✓					
Al-Manufi (w.939H)			✓		✓			✓
Al-Bujairimi (w.1131H)			✓					
Al-Tahtawi (w.1231H)	✓				✓			✓
Ibn 'Abidin (1252H)	✓				✓			✓
Al-Maidani (w.1298H)	✓				✓			✓
Al-Mubarakfuri (w.1353H)			✓					
MFID			✓					
Fatwa Eropah			✓					
Zakat Kuwait			✓					
Arab Saudi			✓					
Jordan					✓			
Mesir					✓			

 Salaf  Hanafi  Maliki  Syafie  Mazhab Sendiri

PENUTUP

Perlantikan amil adalah di bawah kuasa pemerintah negeri. Para *muzakki* wajib mentaati perintah dan arahan ulil amri negeri masing-masing dalam isu pembayaran zakat agar hak *mustahiq* zakat setempat terjamin. Tindakan memungut tanpa izin pemerintah merupakan satu kesalahan jenayah Syariah. Di samping itu, tindakan kutipan merentasi sempadan juga memberikan kesan terhadap kutipan zakat negeri lain dan ia menjelaskan peluang mustahiq di negeri asal walaupun pulangan yang diberikan kembali kepada agen kutipan/amil sebanyak 50%. Begitu juga dengan agihan zakat di luar negara, ia bertentangan dengan amalan Nabi SAW dan Sahabat kerana keperluan mustahiq dalam negara masih belum mencukupi, sedangkan masih ada instrumen *infaq tabarru'at* yang tidak terikat lain seperti instrumen sedekah, derma dan hibah yang boleh dimanfaatkan oleh pihak organisasi bukan kerajaan dalam membantu mangsa konflik dan bencana di luar negara. Oleh itu, pendekatan yang digunakan perlu selari dengan objektif kutipan dan agihan zakat menurut Syariah.

Rujukan

- Abadi, Sharaf al-Haqq al-'Azim, 2005. *'Awn al-Ma'bud*, ed. al-Nu'mani al-Athari. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abu 'Ubaid, al-Qasim b. Salam. 1989. *Kitab al-Amwal*. Tahqiq: Muhammad 'Imarah. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Ahmad, A. & Wahid, H. 2017. Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi:UKM 171-189.
- Aman Palestin. 2017. https://www.amanpalestin.net/salam.php?kategori=borang_zakat_perlis/ dicapai pada 7 November 2017.
- Aman Palestin. 2017. <https://www.facebook.com/AmanPalestineOfficial/posts/155471857836631/> dicapai pada 7 November 2017.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar, 2001. *Fath al-Bari*, ed. 'Abd al-Qadir Shaibah Riyadh:, t.p..
- Azam, R.M.A.R., Wahid, H. & Ahmad, S., 2015. Pelaksanaan Sistem Agen Dalam Kutipan Zakat Di Negeri Perlis: Isu Dan Cabaran, *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 37-49.
- Badarulzaman, M.H., Azhar, A. & Ismail, C.T.M. 2017. Kerangka Perundungan Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, vol. 3: no. 6, 1-9.
- Al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin 'Umar, 2000. *Hashiyah al-Bujairimi 'ala Sharh Minhaj al-Tullab* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Dar al-Ifta' Mesir. 2016. <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?sec=fatwa&ID=13213> dicapai pada 7 November 2017.
- Al-Duwaish, Ahmad bin 'Abd al-Razzaq, 2007. *Fatawa al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'*. Riyadh: al-Idarah al-'Ammah li al-Muraja'ah al-Matbu'at al-Diniyyah.
- Esa, M.S.M., Noor, M.A.M. & Wahid, H. 2017. Kodifikasi Akta Zakat Nasional : Persepsi dan Implikasi. Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi: UKM, 39-65.

- ESyariah, 2017. "Enakmen Jenayah Syariah Negeri", <http://www2.esyariah.gov.my> dicapai pada 7 November 2017.
- Ibn 'Abidin, 1985. *Hashiyah Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Daqiq al-'Aid, Taqi al-Din, 1994. *Ihkam al-Ahkam Sharh 'Umdah al-Ahkam*, ed. Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Ahmad, 1980. *al-Muqni' fi Fiqh Imam al-Sunnah Ahmad bin Hanbal*. Riyadh: Maktabah al-Riyad al-Hadithiyah.
- Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Ahmad, 1989. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- IKRAM, 2017. <http://www.ikram.org.my/berita/item/487-kimb-tawar-pelbagai-produk-dan-perkhidmatan-berlandaskan-syariah.html> dicapai pada 7 November 2017.
- Ismail, M.F., Wahid, H. & Noor, M.A.M., 2017. Prestasi Kutipan Serta Pematuhan Standard Prosedur Kutipan Zakat: Kajian Di Malaysia, Hairunnizam Wahid et al., *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, Bangi: UKM, 68-82.
- Al-Jamal, Sulaiman bin 'Umar bin Mansur, 1996. *Hashiyah al-Jamal 'ala Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Judai', 'Abdullah bin Yusuf, 2003. *al-Fatawa wa al-Qararat al-Sadirah 'an al-Majlis al-Urubb'i li al-Ifta' wa al-Buhuth*. Ireland: al-Majlis al-Urubb'i.
- Lajnah al-Ifta' Jordan, 2012. <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2658#.WgLQaxOcxssM> dicapai pada 7 November 2017.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. 2017. *Laporan Zakat 2016*.
- al-Maidani, 'Abd al-Ghani, 1960. *al-Lubab fi Sharh al-Kitab*, ed. Mahmud Amin al-Nawawi. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhar.
- MAIPs. 2017. "Jumlah Kutipan Zakat Semasa Sehingga 31 Dec 2016", Majlis Agama Islam Perlis. <http://www.maips.gov.my/> dicapai pada 7 Januari 2017.
- Majid, M.Z.A. 2003. *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, M.Z.A. 2017. temubual bersama Prof Emeritus Dato Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dengan pengkaji pada 27 Oktober 2017.
- Al-Maqdisi, 'Abd al-Rahman bin Ibrahim, 2004. *al-'Uddah Sharh al-'Umdah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Manufi, 'Ali bin Khalaf, 1987. *Kifayah al-Talib al-Rabbani*, dicetak bersama al-'Adawi, *Hashiyah al-'Adawi*, ed. Ahmad Hamdi al-Imam. Kaherah: Matba'ah al-Madani.
- Al-Marghinani, 'Ali bin Abu Bakr, t.t. *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'*. Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Marwazi, 1406H. *Ikhtilaf al-Fuqaha* ed. Subhi al-Samara'i. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Mohammad, N., 2017. Ekonomi Politik Institusi Zakat: Satu Penelitian Terhadap Institusi Zakat di Pulau Pinang. *Jurnal Syarikah* 3 (1): 330 - 342.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim, t.t. *Tuhfah al-Ahwadhi*, ed. 'Abd al-Wahab 'Abd al-Latif, Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad, F., Hussin, M.Y.M., Awang, S.A. & Mohamed, A.M.T. 2012. Kepelbagaiannya Kaedah Pungutan Zakat: Analisis Di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2003-2009. *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012) 329-348.
- Al-Musili, 'Abdullah bin Mahmud, 1951. *al-Ikhtiyar li Ta'lil al-Mukhtar*, ed. Mahmud Abu Daqiqah. Kaherah: Matba'ah al-Halabi.

- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, 1992. *Rawdah al-Talibin*, dicetak bersama al-Suyuti, *Muntaqa al-Buyu'*, ed. Ahmad 'Abd al-Mawjud dan 'Ali Muhammad Mu'awwad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, 2006. *al-Majmu 'Sharh al-Muhadhdhab*, ed. Muhammad Najib al-Muti'i. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, t.t. *al-Majmu 'Sharh al-Muhadhdhab*, ed. Muhammad Najib al-Muti'i. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Noor, A.M. & Saad, R.A., 2015. Ejen Dan Impak Perubahan Dalam Pengurusan Wang Zakat, *Proceedings 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2015)*, 361-380.
- Paizin, M.N. 2016. Isu Kehilangan Pembayar Zakat: Kajian Kes Di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan Malaysia. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016), 47-52.
- Paizin, M.N., 2016b. Objektif Institusi Pengutip Zakat (IPZ): Sebuah Penilaian, *Jurnal Pengurusan JA WHAR*, Vol. 10, No. 1, 2016, 21-39.
- PPAP, Pusat Pendidikan Al-Hidayah Perak. 2017. <http://alhidayahdana.com/tentang-zakat/> dicapai pada 7 November 2017.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2016, *Laporan Zakat 2015*.
- Al-Qaradawi, Y. 1994. *Fiqh al-Zakat*. c. 21, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris, 1992. *al-Dhakhira*, ed. Muhammad bu Khubzah. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Qastallani, 1304H. *Irshad al-Sari*. Kaherah: Matba'ah Amiriyyah.
- Rahman, A.A., Alias, M.H. & Omar, S.M.N.S. Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues, *GJAT*, June 2012, Vol 2, Issue 1, 35-41.
- Al-Salus, 'Ali Ahmad, 2008. *Mawsu'ah al-Qadaya al-Fiqhiyya al-Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.
- Al-Shafie, Muhammad bin Idris, 2002. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- SRIAAKT, 2017. "Zakat Dan Pembangunan Sekolah", <http://inijihadku.blogspot.my/> dicapai pada 7 November 2017.
- Sulong, J. & Ali, A.M. 2012. Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undangundang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah. *Kajian Malaysia*, Vol. 30, No.1, 107-138.
- Al-Tahtawi, Ahmad bin Muhammad, 1970. *Hashiyah 'ala Maraqi al-Falah Sharh Nur al-Idah*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi.

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

"Bandingan (infaq) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangai, tiap-tiap tangai itu pula mengandungi seratus biji, dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (al-Baqarah, 2 : 261)

Filantropi adalah rasa kasih seseorang kepada orang lain hingga melahirkan kesanggupan memberikan kebaikan secara sukarela tanpa bayaran dan paksaan. Dalam Islam, konsep ini telah wujud lebih awal melalui amalan sadaqah material seperti sadaqah wajib (seperti zakat), sadaqah sunat (derma infaq), sadaqah jariyah (wakaf) atau sadaqah spiritual seperti senyum, amal ma'ruf nahi munkar, kebaikan atau kesukarelawan. Malah, istilah sadaqah dalam Islam berkait rapat dengan terminologi material lain seperti hibah, hadiah, takaful, wasiat, faraid, pusaka dan sebagainya. Buku ini mengandungi lebih 60 topik tentang isu-isu kontemporari berkaitan amalan tersebut.

Kerjasama Strategik Penerbitan



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
Akademi Pengajian Islam Kuantan
Academy of Contemporary Islam
Kuantan



UNIVERSITI
TENAGA
NASIONAL



Dengan Sokongan

BANK ISLAM



NAJAHUDIN LATEH ialah seorang penyelidik, penulis modul, perunding hartanah, webmaster dan usahawan internet. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Egypt (1997), Diploma Pendidikan KPM (2000), Sarjana Hadith, Universiti Malaya (2004) dan Doktor Falsafah Syariah dan Muamalat, UiTM (2016). Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan bidang Muamalat dan Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam serta sebagai Ketua Seksyen Wakaf UiTM.



MUHAMAD RAHIMI OSMAN ialah Profesor Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya (1987), Sarjana Ekonomi Islam, Universiti Yarmuk, Jordan (1996) dan Doktor Falsafah Undang-undang (Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2007). Kini beliau berkhidmat sebagai Dekan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



GHAFARULLAHUDDIN DIN ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pembangunan dan Perancangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1985), Post Graduate Diploma Siswazah Syariah, UKM (1989), Sarjana Pengajian Islam/Ekonomi Islam, Universiti Sains Malaysia (1996) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam/Ekonomi Islam, USM (2004). Kini beliau berkhidmat sebagai Ketua Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf, UiTM.



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GIFA
GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARD

ISBN 978-967-0171-79-1



9 78967 0171791